



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 22 December 1965 > Page 4 > Kenyataan ta' sarapan: Berita Kajang 'tidak benar'

## Kenyataan ta' sarapan: Berita Kajang 'tidak benar'

Berita Harian, 22 December 1965, Page 4

Article also available on Microfilm Reel NL4326

Scroll to Top

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

# Kenyataan ta' sarapan: Berita Kajang 'tidak benar'

## MIMBAR PEMRACHA

SAYA tertarek hati membaca berita yang mengatakan bahawa ibu bapa Ulu Langat tidak memperchayai kenyataan Puan A. P. Richard, guru besar sekolah rendah Inggeris Kajang yang mengatakan ada sa-tengah murid2 sekolah di-daerah itu yang tidak lulus dalam pepereksaan mereka kerana tidak makan di-rumah mereka.

Sa-kira-nya berita itu di-perchayai dan benar maka berarti-lah orang2 Melayu di-Ulu Langat tidak kesulitan belaka. Berita itu menyebut kete-

### Information




Newspaper: Berita Harian

Date: 22 December 1965

Reel Number: NL4326

Share



### Table of Contents

< Previous Page 4 Next >

#### Kunjongan yang amat berguna ka-Burma

Kunjongan yang amat berguna ka-Burma Perdana Menteri Tun Abdul Razak A oin Hussain hari ini akan


#### Ta' peduli Sukarno

Ta' peduli Sukarno pRESIDEN Sukarno baharu2 ini telah men- chabar Majlis Perunaingan Ra ayat


#### Kenyataan ta' sarapan: Berita Kajang 'tidak benar'

Kenyataan ta' sarapan: Berita Kajang 'tidak benar' MIMBAR PEMRACHA 11----wa---fTi---M gAYA


View Full Table of Contents




rangan beberapa orang. Antara-nya ia-lah Dato Dagang Darus bin Saidi, ketua kampong Sungai Ramal Kajang.



Saya geli hati mem-bacha keterangan itu. Nampak-lah sangat Dato Dagang hendak memper-tahankan diri-nya. Ma'alum-lah dia menjadi Ketua Kampong dan yang demikian tentu-lah ke-beratan mengatakan sa-cha-ra terus terang kesulit-an anak2 buah-nya.



Saya menghantar anak2 saya ka-sekolah Melayu juga. Dua orang anak saya belajar di-Sekolah Ing-geris. Kadang2 mereka tak sempat sarapan pagi ke-rana mereka harus bangun pagi pukul 6 pagi untok sempat sampai di-sekolah. Mereka naik basikal. Ka-dang terlambat bangun.



Siapa-kah yang berkata hanya orang2 yang mampu sahaja yang menghantar anak2 mereka ka-sekolah Inggeris?. Ini tidak-lah benar. Anak orang2 miskin juga banyak belajar di-sekolah2 rendah dan me-nengah Inggeris.



Chuba-lah Datok Dagang menyiasat. Jangan - lah memandai2 membuat ke-nyataan dalam surat kha-bar untok menutup hal yang menjadi terang dan yang di-ketahui oleh orang rami.

Memang anak2 Melayu miskin. Ibu bapa tak mampu memberikan wang saku kepada anak2 mereka kalau anak2 yang ber-sekolah itu sa-ramai enam atau tujuh orang.

Dato Dagang memberi contoh pepereksaan ting-kat tiga sekolah mene-ngah Melayu Kajang sa-bagai bukti untok mem-perkuat da'awaan-nya.

Tetapi Dato Dagang ti-dak menolak keterangan2 Puan Richards mengenai sekolah rendah Inggeris Kajang itu.





Saya harap ketua2 kampung jangan-lah chuba menolak kenyataan manakala kenyataan itu telah menjadi pengetahuan umum.

Che Fatimah binte Bagingda itu barangkali satu2-nya kaum ibu Melayu yang teristimewa sekali. Dia bekerja keras untuk anak2-nya.

Sayang-nya ibu bapa yang lain pun barangkali

bekerja lebeh keras dari pada Che Fatmah. Hanya mereka tidak beruntung seperti janda itu.

Kapada pemberita yang chuba melindungi hal yang benar itu harap-lah hendak-nya jangan bertugas untuk kepentingan propaganda satu2 gulongan atau satu2 pihak.

Siasat-lah sendiri lebeh jauh.

Keterangan dua tiga orang yang sengaja dipungut untuk menolak hal yang menjadi hakikat tidak dapat menafikan hal yang sa-benar-nya.

Perkara yang benar itu akan benar juga walau pun chuba di-sembunyi-kan.—Mat Ketil, Kajang.



## Related Articles



No related article found.

